

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil ELITE CREDIT SHIELD. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

ELITE CREDIT SHIELD
MANULIFE INSURANCE BERHAD (200801013654 (814942-M))
1. Apakah produk ini?

Elite Credit Shield adalah pelan hayat berkumpulan tanpa penyertaan yang direka khas untuk menyelesaikan baki kemudahan kad kredit tertunggak Orang Yang Diinsuranskan sekiranya Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia, mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, atau didiagnosis dengan Penyakit Kritikal yang dilindungi. Perlindungan insurans ini akan tamat apabila Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur enam puluh lima (65) tahun berdasarkan umur pada hari lahir berikutnya.

Nota: "Orang Yang Diinsuranskan" bermaksud pemegang kad utama kemudahan kad kredit.

2. Apakah Perlindungan / Manfaat yang disediakan?

Pelan ini merangkumi manfaat seperti yang diterangkan di bawah:

a. Manfaat Kematian

Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Diinsuranskan dalam tempoh perlindungan, manfaat sekaligus akan dibayar, mengikut Jadual Manfaat Kematian di bawah.

Manfaat	% daripada Baki Fasiliti Kad Kredit yang Tertunggak
Kematian akibat penyakit	100%
Kematian akibat kemalangan	200%
Kematian akibat kemalangan di dalam kenderaan awam bermotor atau lif atau kemalangan yang disebabkan oleh kebakaran di bangunan awam	300%

Daripada jumlah keseluruhan manfaat yang perlu dibayar, hanya 100% daripada baki kemudahan kad kredit tertunggak yang akan dibayar kepada Bank. Sebarang jumlah manfaat yang melebihi 100% daripada baki kemudahan kad kredit tertunggak akibat kematian akibat kemalangan akan dibayar kepada penama yang dinamakan oleh Orang Yang Diinsuranskan.

b. Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal

(i) Baki kemudahan kad kredit tertunggak setakat tarikh TPD; dan

(ii) Caj kewangan/faedah yang tercatat dalam penyata kad kredit bulanan Orang Yang Diinsuranskan berkaitan dengan transaksi yang berlaku sebelum tarikh TPD, dalam tempoh dan sehingga sembilan puluh (90) hari dari tarikh TPD.

Manfaat ini hanya boleh dibayar dengan syarat hilang upaya berterusan selama sekurang-kurangnya seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh permulaan hilang upaya ("Tempoh Menunggu Hilang Upaya"). Jika Kematian atau Penyakit Kritikal berlaku dalam tempoh menunggu seratus lapan puluh (180) hari, Manulife akan membayar baki kemudahan kad kredit tertunggak dan caj kewangan dari tarikh hilang upaya hingga tarikh Kematian atau Penyakit Kritikal, yang mana berkenaan, sehingga sembilan puluh (90) hari.

Premium tidak akan dikutip dalam tempoh menunggu seratus lapan puluh (180) hari bagi TPD tersebut.

c. Manfaat Penyakit Kritikal

Jika Orang Yang Diinsuranskan didiagnosis dengan mana-mana satu Penyakit Kritikal yang dilindungi, 100% daripada baki kemudahan kad kredit tertunggak Orang Yang Diinsuranskan akan dibayar kepada Bank, tertakluk kepada Tempoh Menunggu (rujuk item 5(c) untuk maklumat lanjut).

SENARAI ACARA YANG DILIPUTI:

1. Serangan Jantung	25. Hilang Keupayaan Bertutur
2. Strok	26. Kegagalan Hati Tahap Akhir
3. Penyakit Arteri Koronari Yang Serious	27. Koma
4. Kanser	28. Kelecuran Tahap Ketiga
5. Kegagalan Buah Pinggang	29. Penyakit Neuron Motor
6. Pembedahan Aorta	30. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
7. Pembedahan Injap Jantung	31. Meningitis Bakteria
8. Buta	32. AIDS dengan Gejala Penuh
9. Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk	33. Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah
10. Penyakit Sistik Medulari	34. Kardiomiopathi
11. Anemia Aplistik Kronik	35. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
12. Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir	36. Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (HIV) yang Diperoleh Secara Pekerjaan
13. Pekak	37. Pembedahan Otak
14. Trauma Kepala Utama	38. Penyakit Terminal
15. Penyakit Parkinson	39. Sindrom Apallic
16. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	40. Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik
17. Ensefalitis	41. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
18. Tumor Otak Benigna	42. Elefantiasis
19. Pemindahan Organ Utama/ Sumsum Tulang	43. Poliomieltitis
20. Sklerosis Berbilang	44. Skleroderma Progresif
21. Hypertensi Arteri Primer Pulmonari	45. Hepatitis Autoimun Kronik

22. Hepatitis Viral Fulminan	46. Penyakit Crohn dengan Fistula
23. Kelumpuhan Anggota	47. Sindrom Eisenmenger Teruk
24. Distrofi Otot	

Nota: Bagi semua Manfaat yang dinyatakan di atas, baki kemudahan kad kredit tertunggak maksimum tidak boleh melebihi RM100,000. Penerangan di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Insurans untuk maklumat lanjut.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium bulanan adalah sebanyak RM0.65 bagi setiap RM100 daripada baki penyata kad kredit bulanan anda.

Kadar premium tidak dijamin dan Manulife Insurance Berhad berhak untuk menyemak semula kadar premium seterusnya apabila memperbaharui polisi. Kadar yang disemak semula akan dikenakan ke atas semua polisi dalam kelas insurans ini dan Orang Yang Diinsuranskan akan dimaklumkan mengenai semakan premium melalui pos sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum ulang tahun polisi yang mana kadar baharu ini dianggap berkuatkuasa.

4. Apakah yuran dan caj saya perlu bayar?

10% daripada premium (iaitu *RMXX.XX*) ialah kos yang boleh dikaitkan dengan komisen kepada Bank, yang telah dimasukkan ke dalam premium anda.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Keperluan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh percubaan percuma - anda boleh membatalkan perlindungan insurans anda dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan. Premium yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda (jika ada) dan Sijil Insurans akan dibatalkan.
- Tempoh menunggu - kelayakan untuk manfaat Penyakit Kritikal di bawah polisi ini hanya akan bermula:
 - Tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Penguatkuasaan Semula Sijil Insurans, yang mana kemudian;
 - Enam puluh (60) hari selepas Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Penguatkuasaan Semula Sijil Insurans, yang mana lewat untuk Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari dan Penyakit Arteri Koronari yang Serius.
- Anda dinasihatkan untuk menamakan penama bagi permohonan insurans anda untuk memastikan penyelesaian tuntutan berjalan lancar. Anda juga harus memastikan bahawa penama tersebut mengetahui tentang Sijil Insurans yang anda telah beli.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda boleh merujuk kepada Sijil Insurans untuk terma dan syarat di bawah pelan ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Sijil Insurans ini tidak melindungi Penyakit Sedia Ada. Sebarang tuntutan yang timbul daripada penyakit yang mana Orang Yang Diinsuranskan telah menerima nasihat atau telah mendapat rawatan dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum Tarikh Permulaan atau Tarikh Penguatkuasaan Semula tidak akan dilindungi.
- Tiada manfaat akan dibayar berkenaan dengan Orang Yang Diinsuranskan di bawah polisi jika Kematian Orang Yang Diinsuranskan berlaku kerana:
 - Orang Yang Diinsuranskan, sama ada waras atau tidak waras, yang membunuh diri dalam tempoh tiga belas (13) bulan dari Tarikh Permulaan atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana lebih lewat;
 - Penyakit yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Permulaan atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana kemudian;
 - pelakuan suatu perbuatan jenayah;
 - aktiviti penerbangan selain daripada sebagai penumpang berbayar atau krew dalam syarikat penerbangan komersial penumpang;
 - di bawah pengaruh minuman keras yang memabukkan atau akibat penyalahgunaan dadah atau bahan terlarang;
 - penyertaan dalam sebarang aktiviti berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, mendaki gunung, menyelam skuba, luncur udara, perlumbaan kelajuan atau ketahanan dan sebagainya; atau
 - Mengambil racun atau menyedut gas atau asap, sama ada secara sukarela atau sebaliknya;
- Tiada manfaat akan dibayar berkenaan dengan Orang Diinsuranskan di bawah polisi ini jika Hilang Upaya berlaku akibat:
 - sebarang cubaan bunuh diri, sama ada ketika waras atau tidak waras, atau sebarang kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri;
 - perkhidmatan tentera udara atau tentera laut semasa waktu perang yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa di bawah arahan untuk operasi berunsur peperangan atau pemulihan ketenteraman;
 - pelakuan suatu perbuatan jenayah; atau
 - aktiviti penerbangan selain daripada sebagai penumpang berbayar atau krew dalam syarikat penerbangan komersial penumpang;
 - di bawah pengaruh minuman keras yang memabukkan atau akibat penyalahgunaan dadah atau bahan terlarang; atau
 - penyertaan dalam sebarang aktiviti berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, mendaki gunung, menyelam skuba, luncur udara, perlumbaan kelajuan atau ketahanan dan sebagainya.
- Tiada manfaat akan dibayar di bawah Manfaat Penyakit Kritikal:
 - jika Acara Dilindungi disebabkan oleh keadaan sedia ada pada Tarikh Permulaan atau Tarikh Penguatkuasaan Semula seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans;
 - jika Acara Dilindungi disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, oleh penyalahgunaan alkohol atau bahan, keabnormalan kongenital termasuk kecacatan fizikal yang hadir sejak lahir, cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri; atau
 - penyertaan dalam sebarang aktiviti berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, mendaki gunung, menyelam skuba, luncur udara, perlumbaan kelajuan atau ketahanan dan sebagainya.

Nota: Pelan ini akan menjadi batal dan Manulife akan memulangkan jumlah premium yang telah dibayar tanpa faedah. Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Insurans untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan Sijil Insurans saya?

Anda boleh membatalkan Sijil Insurans anda dengan memberikan notis bertulis kepada Manulife Insurance Berhad. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh selama tiga puluh (30) hari, polisi anda mungkin akan luput. Tempoh tangguh tidak akan terpakai jika tiada jumlah tertunggak di bawah kad kredit anda.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran hubungan saya?

Adalah penting untuk anda, Penama anda, atau Pemegang Amanah anda memaklumkan Manulife tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda, Penama anda, atau Pemegang Amanah anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans hayat, sila rujuk buku kecil insuranceinfo mengenai 'Insurans Hayat', yang terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan daripada wakil bank berdaftar anda atau melayari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Manulife Insurance Berhad (200801013654 (814942-M))

Tingkat 12, Menara Manulife, 6, Jalan Gelenggang,

Damansara Heights,

50490 Kuala Lumpur.

Tel : (03) 2719-9112

E-mel : MYCARE@manulife.com

10. Jenis perlindungan / pelan lain yang serupa tersedia:

Sila hubungi kami atau mana-mana wakil bank sah anda untuk mendapatkan maklumat mengenai jenis pelan lain yang serupa yang kami tawarkan.

NOTA PENTING :

ANDA PERLU MEYAKINKAN DIRI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL BANK BERDAFTAR ANDA ATAU HUBUNGI MANULIFE INSURANCE BERHAD SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk kepada Brosur TIPS PIDM atau hubungi Manulife Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini dijana seperti pada <tarikh>

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.